

04 APR 2004

DEWAN TERTINGGI BN, MT UMNO BERMESYUARAT

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) dan Majlis Tertinggi Umno mengadakan mesyuarat pertama di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini petang ini, selepas memenangi pilihan raya umum ke-11 dengan cemerlang 21 Mac lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga pengerusi BN, memulakan mesyuarat Dewan Tertinggi BN itu pada pukul 2.45 petang dan dijadual beralih mempengerusikan mesyuarat MT Umno pada pukul 4 petang.

Abdullah yang baru kembali dari menunaikan umrah di tanah suci Mekah pagi tadi, sejak 31 Mac, tiba di PWTC pada pukul 2.40 petang, disambut oleh para pemimpin BN.

Lima minit kemudian beliau mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dihadiri 13 wakil daripada 14 parti komponen kecuali (wakil) Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) walaupun pembatalan pendaftarannya telah ditarik balik pada 9 Mac lalu.

Abdullah mengetuai BN buat pertama kali dalam pilihan raya umum lepas setelah mengambil alih pucuk pimpinan kerajaan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt tahun lalu dan BN memenangi 198 daripada 219 kerusi parlimen yang dipertandingkan.

-- BERNAMA

AT SNS RON